

SUKAN MALAYSIA IX, 2002

PERATURAN PERTANDINGAN TINJU

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang **AIBA**.
- 1.2 Sekiranya timbulnya sebarang keraguan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.3.1 Sebarang kejadian am akan diputuskan berasas kepada **PERATURAN AM SUKAN MALAYSIA IX, 2002**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada Undang-undang AIBA.
- 1.4 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tinju SUKAN MALAYSIA IX, 2002 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

05 Sept hingga 12 Sept, 2002

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

Dewan Masyarakat,
Kota Kinabalu,
Sabah.

4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Negeri, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Universiti-universiti Malaysia (MASUM) dan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM). Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan masing-masing.

4.2 Setiap Negeri, PDRM dan MASUM dan MSSM hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan terdiri daripada :-

Pengurus Pasukan	1 orang
Jurulatih	2 orang
Pengadil	1 orang
Peserta/Petinju	12 orang
(Seorang bagi setiap Kategori)	

16 orang

=====

5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Hanya peserta yang lahir antara tahun 1981 hingga 5 September 1985 sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan dua (2) salinan Kad Pengenalan dan tiga (3) keping gambar berukuran Pasport Antarabangsa bagi setiap peserta bersama dengan Borang Pendaftaran Peserta. Bagi peserta PDRM kesahihan tarikh lahir hendaklah disahkan oleh Pengerusi/Setiausaha Majlis Sukan PDRM. Peserta yang dipilih daripada anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia hendaklah menggunakan kad pengenalan BAT C 10 sebagai pengenalan rasmi masing-masing. Semua peserta yang menggunakan dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya sahaja.

5.3 Hanya peserta yang didaftarkan dengan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang mengikut Peraturan Am perkara 6.2 sahaja yang layak menyertai pertandingan

ini. Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.10, jika seseorang peserta didapati telah didaftarkan oleh lebih daripada satu (1) pasukan negeri, maka pengesahan bertulis daripada peserta berkenaan adalah penting bagi menyokong pendaftaran pasukan yang akan disertainya kecuali anggota Angkatan Tentera Di Raja Malaysia yang perlu mendapatkan kelulusan Majlis Sukan Angkatan Tentera.

- 5.4 Peserta-peserta gantian yang dikemukakan selepas tarikh tutup pendaftaran/semasa taklimat Pengurus Pasukan akan dikenakan Yuran Pendaftaran RM 20.00 seorang. Gantian peserta hanya boleh dilakukan kepada kategori yang telah didaftarkan sebelum tarikh tutup pendaftaran. Semua Yuran Pendaftaran peserta tidak akan dikembalikan.
- 5.5 Tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.7, peserta yang berkhidmat dengan PDRM dan pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Pusat Pengajian Tinggi yang bergabung dengan MASUM tidak boleh mewakili mana-mana kontingen/negeri kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Sukan berkenaan.
- 5.6 Atlet-atlet yang sedang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi yang mendapat biasiswa/dermasiswa daripada Kerajaan negeri hendaklah dibenarkan mewakili negeri yang menaja mereka.
- 5.7 Seseorang petinju kebangsaan hanya dibenarkan untuk menyertai seperti mengikut Peraturan Am Perkara 4.6.
- 5.8 Taraf permastautin peserta adalah tertakluk kepada Peraturan Am perkara 20.11.
- 5.9 Setiap petinju mestilah membawa Buku Rekod Petinju masing-masing.

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dengan Kad Pengenalan, BAT C 10 atau Pasport Antarabangsa atau dokumen pendaftaran JPN 1/9 atau JPN 1/11 mestilah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara, Petaling Jaya yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 TIMBANG BADAN DAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

- 7.1 Timbang Badan dan Pemeriksaan Kesihatan akan dilakukan oleh Pegawai yang dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Tinju SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 7.2 Seorang Petinju dibenarkan menimbang badan sekali sahaja menggunakan timbang badan rasmi (Official Scale) pada setiap hari. Berat badan hari pertama akan menentukan kelas/kategori berat acara setiap petinju untuk kejohanan keseluruhannya. Petinju akan dibatal penyertaan jika berat badan hari kedua atau berikutnya melepasi atau mengurang dari berat badan kategori yang didaftarkan. Bagaimanapun pasukan dibenarkan memasuki petinju mereka ke kategori lain yang sesuai pada hari pertama sekiranya kekosongan wujud dalam masa menimbang berat badan belum selesai.
- 7.3 Timbang badan dan pemeriksaan kesihatan rasmi akan dibuat pada hari pertama pertandingan mulai jam 0800 hingga 1000 bagi semua petinju. Untuk hari-hari perlawanan lain, hanya petinju yang mengambil bahagian pada hari berkenaan sahaja yang akan ditimbang dan diperiksa antara jam 0800 hingga 0900. Acara tinju akan dijalankan sekurang-kurangnya tiga

(3) jam selepas timbang badan dan pemeriksaan kesihatan dijalankan.

8.0 KATEGORI-KATEGORI YANG AKAN DIPERTANDIINGKAN

8.1 Kategori yang akan dipertandingkan ialah seperti berikut :-

8.1.1 Kategori 45 kg

8.1.2 Kategori 48 kg

8.1.3 Kategori 51 kg

8.1.4 Kategori 54 kg

8.1.5 Kategori 57 kg

8.1.6 Kategori 60 kg

8.1.7 Kategori 63.5 kg

8.1.8 Kategori 67 kg

8.1.9 Kategori 71 kg

8.1.10 Kategori 75 kg

8.1.11 Kategori 81 kg

8.1.12 Kategori 91 kg

9.0 SISTEM PERTANDINGAN

9.1 BOUT. Setiap bout akan mengandungi empat (4) pusingan dan setiap pusingan akan berjalan selama dua (2) minit. Rehat antara pusingan adalah satu (1) minit.

9.2 UNDIAN. Selepas pemeriksaan kesihatan dan timbang badan rasmi yang pertama, upacara pengundian

akan dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal di hadapan Pengurus-Pengurus Pasukan.

10.0 PAKAIAN

- 10.1 Petinju hanya dibenarkan memakai singlet yang berwarna mengikut sudut bertinju, iaitu sama ada biru atau merah.
- 10.2 Petinju hendaklah memakai seluar mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh AIBA.

11.0 JURI

- 11.1 Seramai tujuh (7) orang Juri akan dilantik oleh Persekutuan Tinju Amatur Malaysia.
- 11.2 Tugas-tugas Juri adalah seperti dalam undang-undang AIBA (undang-undang XII).

12.0 PENGADIL DAN HAKIM

- 12.1 Setiap pasukan dikehendaki membawa seorang Pengadil Hakim bertauliah setelah dipersetujui oleh Persekutuan Tinju Amatur Malaysia. Jika pasukan itu tidak mempunyai Pengadil Hakim yang bertauliah, Persekutuan Tinju Amatur Malaysia akan melantik seorang Pengadil Hakim untuk mewakili pasukan yang terlibat.
- 12.2 Pengarah Pertandingan dan Teknikal Delegat akan dilantik oleh Persekutuan Tinju Amatur Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKAN MALAYSIA IX, 2002.
- 12.3 Persekutuan Tinju Amatur Malaysia akan melantik enam (6) orang Pengadil tambahan.

- 12.4 Persekutuan Tinju Amatir Malaysia akan melantik dua (2) orang Pegawai Perubatan.

13.0 BANTAHAN

- 13.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah secara bertulis dan disertakan dengan Wang Pertaruhan sebanyak RM 200.00.
- 13.2 Wang pertaruhan akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.
- 13.3 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Ketua Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan diumumkan.
- 13.4 Semua keputusan bantahan akan diumumkan sebelum timbang berat badan pada hari berikutnya.

14.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 14.1 Perlantikan Jawatankuasa Tatatertib dan prosedur aturcara mesyuarat adalah seperti yang digunakan oleh Persekutuan Tinju Amatir Malaysia seperti berikut :-
- 14.1.1 Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib Persekutuan/Wakil Majlis Tertinggi Persekutuan Tinju Amatir Malaysia.
- 14.1.2 Setiausaha Jawatankuasa Pengelola.
- 14.1.3 Semua Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes tatatertib itu.
- 14.2 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan dari Pengadil atau Pegawai Pertandingan dan akan membuat sesuatu keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil.

14.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat dari mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

15.0 HADIAH-HADIAH

15.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut :-

	EMAS	PERAK	GANGSA
Kategori 45 kg	1	1	2
Kategori 48 kg	1	1	2
Kategori 51 kg	1	1	2
Kategori 54 kg	1	1	2
Kategori 57 kg	1	1	2
Kategori 60 kg	1	1	2
Kategori 63.5 kg	1	1	2
Kategori 67 kg	1	1	2
Kategori 71 kg	1	1	2
Kategori 75 kg	1	1	2
Kategori 81 kg	1	1	2
Kategori 91 kg	1	1	2
	12	12	24
	=====	=====	=====

16.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada Peraturan Tetap 14.3.

Disediakan oleh :-
Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan
SUKAN MALAYSIA IX, 2002
peraturan am sukma 2002/tinju/200301/azhar